

Kerajaan peruntuk RM8 juta untuk negeri terlibat banjir



ROHANI (dua dari kanan) dan Irmohizam (kanan) bertanya khabar dengan mangsa di Pusat Pemindahan Banjir SK Parit Mahang, Kuala Selangor semalam.

KUALA SELANGOR – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyediakan peruntukan sejumlah RM8 juta sebagai bantuan banjir bagi negeri terlibat dengan bencana itu.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, bantuan itu meliputi keperluan asas seperti bekalan makanan, pakaian, ubat-ubatan dan sebagainya.

“Kementerian telah membuat persediaan awal menghadapi bencana banjir dengan menyediakan peruntukan sejumlah RM8 juta. Sebenarnya peruntukan untuk

bencana tiada had, ia bergantung kepada keadaan semasa bencana itu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan tinjauan serta menyalurkan bantuan kepada 390 mangsa banjir di pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang, Ijok di sini semalam.

Turut hadir Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim dan Pegawai Daerah Kuala Selangor merangkap Pengerusi Bencana Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badlisza Mohd. Noor.

Rohani memberitahu, kementerian juga membuat penambahbaikan dari segi edaran keperluan banjir iaitu dengan menubuhkan depoh mini dan pangkalan hadapan.

“Ia (depoh mini dan pangkalan hadapan) ditubuhkan untuk mengelak berlakunya masalah bekalan keperluan untuk mangsa banjir terputus.

“Kita mahu bekalan disalurkan tanpa gangguan memandangkan bencana banjir tahun lalu, kita mengalami masalah bekalan tidak dapat diedarkan ke pusat pemindahan,” jelasnya.